




**IBRAH ISRA' DAN MIKRAJ
(BAHAGIAN PERTAMA)**


**PROF MADYA DR. AHMAD
BIN CHE YAACOB**

**RABU 31 JANUARI 2024
19 RABIUL AWAL 1445H
TAZKIRAH SENAT UTM**

Peta Semenanjung Tanah Arab



Muhammad SAW dilahirkan menjadi pedagang pula.



Perjalanan Dagang Muhammad Kecil bersama Abu Thalib dari Makkah Ke Busra dekat Damaskus

Tahun Kesedihan

- Tahun ke 10 kenabiaan.
- Abu Talib meninggal dunia tanpa bersyahadah.
- Dijaga oleh Abu Talib sejak umur 8 tahun.
- Umur 12 tahun, dibawa berniaga ke Syam.
- Umur 25 tahun, menerima pinangan untuk perkahwinan dengan Khadijah.
- Menjaga dan mempertahankan Nabi Muhammad SAW selama lebih 42 tahun.

Kesedihan Berganda

- Sebulan kemudian, isterinya Siti Khadijah pula meninggal dunia.
- Nabi SAW berkahwin ketika berumur 25 tahun, dan Siti Khadijah berumur 40 tahun.
- 2 lelaki dan 4 perempuan (**Qasim, Abdullah, Ruqayyah, Zaynab, Ummi Kalthum dan Fatimah**).
- **IBRAH 1: Jangan terlalu bersedih dengan kehilangan, Ia adalah ujian. Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti.**

Kejayaan Bertanggung

- Orang Mekah semakin kuat menentang setelah kematian Abu Talib dan Siti Khadijah.
- Nabi Muhammad SAW ditemani **Zaid bin Harithah** telah berdakwah ke Taif.
- Dakwah baginda telah ditolak oleh pemimpin Taif. Bahkan kanak-kanak disuruh membaling batu sehingga berdarah kaki baginda.
- Misi dakwah ini tidak berjaya mencapai objektif tetapi ia adalah kejayaan yang bertanggung.

- Nabi Muhammad SAW kemudian berdoa dan mengadu nasibnya kepada Allah.
- **“Ya Allah aku mengadu kelemahanku, kekurangan dan kehinaanku....”**
- Malaikat Jibril datang dan mahu memusnahkan penduduk Taif.
- Tetapi Rasulullah SAW melarangnya.
- Berharap semoga zuriat mereka akan beriman dengan Allah.
- **IBRAH 2: Jangan busuk hati dan berdendam dengan orang yang memusuhi kita. Doakan agar mereka beroleh kebaikan.**

Jin Menerima Dakwah

- Setelah dakwah Nabi Muhammad SAW ditolak penduduk Taif, baginda digembirakan dengan penerimaan golongan jin.
- Semua Jin yang hadir menemui baginda telah menerima dakwah Rasulullah SAW.
- Ia adalah **berita yang mengembirakan** Nabi Muhammad SAW.
- **IBRAH 3: Kejadian luar jangkauan boleh menjadi ubat yang menyembuh perasaan yang sedih.**

Surah Al-Naml ayat 38 - 40

قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُوا أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرْشِهَا قَبْلَ أَنْ
يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ

قَالَ عِفْرِيْتُ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُومَ
مِن مَّقَامِكَ وَإِنِّي صَلِّ عَلَيْهِ لَقَوِيَّ أَمِينٌ



Muslim Ummah App

Quran 27:39

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ
قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ فَلَمَّا رَآهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ
قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ



- Nabi Sulaiman berkata pula (kepada golongan bijak pandainya): "Wahai pegawai-pegawaku, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya sebelum mereka datang mengadapku dalam keadaan berserah diri memeluk Islam?" (surah Al-Naml, 38)
- Berkatalah Ifrit dari golongan jin: "**Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat gagah untuk membawanya, lagi amanah**". (surah Al-Naml, ayat 39)

- Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: "**Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata!**" Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya. Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah". (surah Al-Naml, ayat 40)

- **IBRAH 4:** Hendaklah berusaha dan menyerahkan diri kepada Allah SWT. Dengan bertawakal, setiap pekerjaan akan diberkati dan menjadi mudah.
- **IBRAH 5:** Perkara yang amat mudah dilakukan apabila bertemu adalah memberikan senyuman. Sabda Nabi SAW, maksudnya: “Senyuman kamu di depan saudaramu adalah mendapat pahala sedekah” (Riwayat Tirmidzi).

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : (أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ! أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ ؟ وَأَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ , وَأَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى سُورٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ , أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كَرْبَةً , أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا , أَوْ تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا , وَلَئِنْ أَمْشَيْتَ مَعَ أَخٍ فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ - يَعْنِي مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ - شَهْرًا) رواه الطبراني (12/453) وصححه الألباني في "صحيح الترغيب" (955)

- Daripada Ibn Umar RA berkata ada orang bertanya kepada Nabi Muhammad SAW: Wahai Rasulullah siapakah orang yang paling dicintai oleh Allah dan amalan apa yang paling disukai Allah? Baginda menjawab: “Orang yang paling dicintai Allah adalah orang yang paling memberikan kebaikan kepada orang lain. Amalan yang paling disukai Allah ialah **memasukkan kegembiraan ke dalam hati** seorang muslim, atau engkau hilangkan rasa laparnya, atau engkau lunaskan hutang-hutangnya, atau engkau hilangkan kesulitannya. Sungguh, aku lebih suka menemani saudaraku untuk memenuhi keperluannya daripada beri'tikaf di Masjid Nabawi selama sebulan.” [Riwayat At-Thabrani, 12/453]

Kesimpulan

1. Setiap perkara yang terjadi ada hikmah pengajaran yang besar. Di sebalik kesukaran ada kemudahan dan di sebalik kesedihan ada kegembiraan.
2. Sentiasa berlapang dada dan menerima kejadian yang terjadi dengan tenang serta jangan berputus asa daripada mendapat Rahmat Allah SWT.
3. Jadilah orang yang mengembirakan orang lain dan bersikap prihatin serta tidak hanya memikirkan diri sendiri sahaja.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”